



PEMANGKU Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (dua kiri), bersalam dengan seorang peserta dari Qatar di pembukaan persidangan Menteri dan Pegawai Jawatankuasa Perunding Undang-undang Asia-Afrika mengenai kerjasama serantau di bidang perindustrian di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur semalam.

Tigapuluh sembilan negara mengambil bahagian dalam persidangan lima hari itu. — Gambar Berita Harian.

Mahathir seru Asia, Afrika eratkan kerjasama industri

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran krisis tenaga akan wujud dalam dekad 80an di mana berlaku kemelesetan ekonomi dunia.

Pemangku Perdana Menteri menegaskan, oleh itu perlulah negara-negara Asia-Afrika mengadakan kerjasama serantau yang erat dalam bidang sektor industri, termasuk industri petroleum.

"Ini disebabkan pembangunan ekonomi Asia-Afrika akan tertumpu kepada sektor industri yang akan memainkan peranan penting dalam tahun 80an nanti," kata beliau ketika merasmikan persidangan Menteri-men-

teri dan Pegawai-pegawai Jawatankuasa Perunding Undang-undang Asia-Afrika berkenaan kerjasama serantau di bidang perindustrian, hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, memandangkan rantau Asia-Afrika masih tersimpan banyak sumber gas dan minyak yang merupakan sumber tenaga yang penting maka ia akan terus menjadi bekalan yang penting dalam bekalan tenaga Abad 21 nanti.

Beliau menekankan memandangkan sumber minyak dan gas ini yang terdapat di negara dunia ketiga maka "Saya percaya pusat kegiatan ekonomi kini sedang

bergerak mengelilingi dunia ketiga.

"Penyusunan semula ekonomi dan industri dunia yang bertujuan melicinkan dan mengimbangkan order ekonomi sedang berjalan sekarang."

Menurutnya, kerjasama serantau bidang industri petroleum merupakan yang paling penting memandangkan ia berkaitan rapat antara pembangunan ekonomi dan penggunaan tenaga.

Ini, katanya, boleh dilakukan dengan mengadakan kerjasama untuk menggaris dasar tenaga yang kukuh dan menjalankan projek industri serantau terutama membangunkan industri petroleum.

Keperluan

"Ia boleh dilakukan dengan menempatkan kilang penapis minyak atau kegiatan sejaranya di negara-negara miskin yang hanya bukan digunakan oleh negara itu sahaja bahkan negara jiran berhampiran, ia bukan sahaja mengatasi keperluan negara itu bahkan juga mempastikan perkembangan ekonomi negara itu," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan jika negara sedang membangun mahu mengekalkan taraf hidup mereka yang ada sekarang maka mereka memerlukan penggunaan tenaga 50 peratus lebih dari yang digunakan sekarang dalam tahun 2,000 jika 33,000 orang sahaja berjalan ke bandar setiap hari.

Katanya, sekarang negara membangun hanya menggunakan 15 peratus tenaga dagangan di dunia.

Pemangku Perdana Menteri mengambil contoh kerjasama industri petroleum yang dijalankan oleh ASEAN yang mana kerjasama itu memberi kesan yang baik dari semua segi termasuk kerjasama bekalan dan pemasaran bahan petroleum.

Sambil menyatakan betapa perlunya kerjasama dengan penyelarasan beliau berkata, "Kita tidak boleh menjalankan rancangan serantau secara terencil tanpa merujuk kepada rangka dan penyusunan dunia keseluruhannya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan persidangan seperti itu adalah penting untuk membincangkan masalah dan isu yang timbul di samping dapat mewujudkan semangat kerjasama yang tulin.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia